

# Dr Mahathir pindah wad

BA - 21/5/2007  
**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dipindahkan ke wad Bunga Raya dari Unit Rawatan Koronari (CCU) Institut Jantung Negara, malam kelmarin.

Jabatan Komunikasi Korporat IJN menerusi kenyataan semalam berkata, Dr Mahathir dipindahkan pada jam 9.30 malam selepas doktor berpuas hati dengan tindak balas positif beliau terhadap rawatan dan perubatan yang diberikan.

Beliau dijangka terus berada di wad IJN untuk membolehkan doktor memantau keadaannya dan akan memulakan rawatan pemulihan kardiak.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN Selasa lalu selepas dipindahkan dari Hospital Langkawi apabila beliau dimasukkan ke wad pada Isnin selepas mengadu sesak nafas.

Masalah sesak nafas itu dikatakan berpunca daripada kongesti paru-paru yang dikaitkan dengan miokardial infarksi dan masalah basal bronkitis yang teruk pada paru-paru beliau. - Bernama